

Malaysia komited bantu kekal keamanan

BH-5/12/2006

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia komited kepada usaha mengekalkan keamanan antarabangsa serta keperluan mencari langkah mengatasi ancaman serta menghapuskan sebarang bentuk keganasan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, suasana keselamatan global yang begitu mencabar dan ketidakpastian di banyak tempat membimbangkan Malaysia.

"Kita sudah melihat keamanan dan peperangan pada masa sama. Konflik di Asia Barat meningkatkan lagi ketidakpastian negara kecil yang tidak berdaya," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Persekutuan Veteran Sedunia ke-25 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini semalam. Turut hadir Presiden Persekutuan Veteran Sedunia, Datuk Abdul Hamid Ibrahim.

Perhimpunan empat hari itu dihadiri 280 peserta dari 61 negara yang antara lain membincangkan pelbagai isu termasuk hak veteran tentera dan mangsa peperangan, pelucutan senjata nuklear, kanak-kanak sebagai tentera serta wanita dalam konflik senjata.

Najib yang juga Menteri Pertahanan, berkata pembunuhan di Iraq yang semakin buruk sehingga menjadi perang saudara menggambarkan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya makin kehilangan pengaruh.

Katanya, program nuklear Tehran boleh mencetus pertikaian antara Amerika dan Iran, manakala pelbagai isu keselamatan seperti kedaulatan wilayah, tuntutan bertindih serta percambahan nuklear berlaku di Asia Pasifik.

"Alhamdulillah, di Asia Tenggara kita boleh mengharapkan keselamatan bertambah baik," katanya.

FAKTA NOMBOR

Perhimpunan veteran sedunia

280

Peserta

61

Negara